



## MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- 1.0 (a) Jawatan : **JURUAUDIT GRED W41**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
- 1.1 (a) Tanggagaji -Gred W41 : RM2,094.00 (minimum) – RM9,585.00 (maksimum)
- (b) Elaun :  
Elaun Khidmat Awam : RM300.00  
Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- 1.2 Syarat Lantikan:
- (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM2,300.73);  
ATAU  
  
Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM2,819.63);  
ATAU  
  
Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM2,819.63);  
ATAU  
  
Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM2,923.41);  
ATAU

Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM3,027.19)

- (ii) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

1.3 Diskripsi Tugas: : Bertanggungjawab menjalankan pengauditan secara profesional dan cekap, mengesahkan penyata kewangan, menyediakan laporan audit yang berkualiti dalam tempoh masa dan seimbang, menguruskan aktiviti pengauditan dengan cekap dan berkesan serta memberi khidmat nasihat kepada unit, bahagian, anak syarikat dan majlis.

1.4 Taraf Jawatan : Kontrak

2.0 (a) Jawatan : **PENOLONG JURUAUDIT GRED W29**

(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan

2.1 (a) Tanggagaji-Gred W29: RM1,498.00 (minimum) - RM5,678.00 (maksimum)

(b) Elaun :  
Elaun Khidmat Awam : RM160.00  
Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM350.00

2.2 Syarat Lantikan: (i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92);  
ATAU

Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92);  
ATAU

Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,776.08);  
ATAU

Licentiate of the Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang pentadbiran kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM2,001.68);

- (ii) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2.3 Diskripsi Tugas : Bertanggungjawab menjalankan pengauditan secara profesional dan cekap, mengesahkan penyata kewangan, menyediakan laporan audit yang berkualiti dalam tempoh masa dan seimbang, menguruskan aktiviti pengauditan dengan cekap dan berkesan serta memberi khidmat nasihat kepada unit, bahagian, anak syarikat dan majlis.

2.4 Taraf Jawatan : Kontrak

### 3.0 **CARA MEMOHON**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi secara **PERCUMA** melalui laman web.: [www.mainpp.gov.my](http://www.mainpp.gov.my).
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32cm x 22cm.
- (c) Permohonan yang berikut akan ditolak:
  - (i) Tidak menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
  - (ii) Tidak lengkap atau tidak terang.

3.1 Permohonan hendaklah disampaikan kepada::

**Setiausaha  
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 8 & 9, Menara JKP  
No.128, Jalan Macalister  
10400 PULAU PINANG.**

pada atau sebelum **7 September 2020**

**Catatan Am:**

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon sendiri.
- (d) Hanya calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.
- (e) Keutamaan akan diberi kepada anak Negeri Pulau Pinang, cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.